

06/05/1998

Kekal persefahaman agama: Hamid

SHAH ALAM, Selasa - Semua rakyat di negara ini perlu menjaga persefahaman agama masing-masing bagi mengekalkan keharmonian yang dinikmati sekian lama, selain mengelak daripada menjadi bahan berita media asing yang sentiasa menunggu peluang untuk memburukkan lagi keadaan di negara ini.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata semua pihak, termasuk pemimpin politik, pentadbir negeri dan rakyat sepatutnya berusaha mengekalkan persefahaman agama yang sudah lama wujud.

Dr Abdul Hamid berkata, sebarang isu berkaitan agama yang boleh membangkitkan kekecohan perlu dielakkan kerana negara ini turut menjadi perhatian orang luar yang sentiasa mencari jalan untuk menyebarkan berita negatif mengenai Malaysia.

"Faktor harmoni di negara kita ialah persefahaman agama yang sukar diperolehi di negara lain kerana ada negara sama agama pun boleh berlaku kekecohan kerana berlainan mazhab," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman antara Pusat Zakat Selangor dengan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan di bangunan SUK di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno (MT) membincangkan isu kebebasan agama, berkata kerajaan memberi tempat untuk penganut agama asing melakukan amalan termasuk mendirikan rumah ibadat.

Bagaimanapun, jelasnya, jika ia dibina di kawasan yang tidak mendapat kelulusan rasmi, kerjasama daripada penganut agama itu diperlukan untuk memindahkan rumah ibadat itu dan ia perlu dibuat secara teratur supaya tidak menyinggung perasaan penganut agama terbabit.

Sehubungan itu, Dr Abdul Hamid berkata, pihak berkuasa tempatan dan daerah yang membuat perancangan daerah dan perbandaran harus lebih teliti dan menyediakan stuktur perancangan yang rapi, termasuk tidak mengetepikan keperluan beribadat semua agama.

"Dalam MT semalam, kita membincangkan mengenai persefahaman agama di negara ini yang mesti dijaga. Oleh itu, jangan ada mana-mana pihak hendak menunjukkan kekuatan agamanya sehingga menimbulkan kekecohan," katanya.

Menurut Dr Abdul Hamid, dalam mesyuarat itu, Perdana Menteri mengingatkan ahli politik menjaga toleransi beragama dan tidak terlalu keras atau menghalang penganut agama lain melaksanakan keperluan agamanya.

Beliau mengakui perkara itu dibangkitkan semula oleh Perdana Menteri berikutan isu di Pulau Pinang.

"Isu ini dibangkitkan oleh media barat seolah-olah pemimpin politik di negara ini menindas agama lain.

"Perkara ini jika dibiarkan boleh membangkitkan semangat dan keresahan di kalangan penganut agama lain sama ada di negara ini atau di negara lain yang menganut agama yang sama," katanya.

(END)